



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**17 JANUARI 2018 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                                    |    |
|----------------------------------------------------|----|
| - Dakwaan diculik hanya rekaan                     | 20 |
| - MPAJ arah pemilik segera baik pulih lereng tanah | 20 |

**Utusan Malaysia**

- |                                                        |    |
|--------------------------------------------------------|----|
| - PBT, Imigresen pantau pusat refleksologi lebih ketat | 27 |
| - TALIAN KHIDMAT                                       | 26 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 JANUARI 2018 (RABU)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dakwaan diculik hanya rekaan
Muka Surat	20

# Dakwaan diculik hanya rekaan

34 17/1/18  
M/S 20

Pelajar Tingkatan Satu itu mengaku tertekan dalam pelajaran

AMPANG - Polis mengesahkan dakwaan cubaan menculik seorang pelajar lelaki Tingkatan Satu sebuah sekolah menengah di sini seperti yang dituturkan sejak kelmarin adalah tidak benar.



**HAMZAH**

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, hasil siasatan terhadap pelajar berusia 13 tahun itu mendapati tiada kejadian seumpama itu berlaku.

Menurutnya, pelajar ber-

kenaan juga telah menarik semula laporan polis yang telah dibuat.

"Tujuan pengadu mereka-reka cerita kerana dia tertekan selepas tidak dibenarkan banyak bermain

serta perlu tumpukan kepada pelajaran.

"Saya juga harap orang ramai supaya tidak cepat tularkan cerita-cerita yang tidak tentu kesahihannya sehingga boleh mengakibatkan kekusaran kepada masyarakat," katanya.

Sebelum ini, kisah pelajar

## Polis siasat kes culik pelajar

Mangsa dakwa diculik dua individu ketika menunggu bas di Taman Pandan Indah

AMPANG - Polis sedang menyiasat kes seorang pelajar lelaki Tingkatan Satu sebuah sekolah menengah di sini seperti yang dituturkan sejak kelmarin adalah tidak benar.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, hasil siasatan terhadap pelajar berusia 13 tahun itu mendapati tiada kejadian seumpama itu berlaku.

Menurutnya, pelajar berkenaan juga telah menarik semula laporan polis yang telah dibuat.

"Tujuan pengadu mereka-reka cerita kerana dia tertekan selepas tidak dibenarkan banyak bermain serta perlu tumpukan kepada pelajaran.

"Saya juga harap orang ramai supaya tidak cepat tularkan cerita-cerita yang tidak tentu kesahihannya sehingga boleh mengakibatkan kekusaran kepada masyarakat," katanya.

Sebelum ini, kisah pelajar itu tular selepas mendakwa diculik dua lelaki yang menaiki van berwarna putih ketika sedang menunggu bas di perhentian bas Taman Pandan Indah, Jumaat lalu.

**Laporan Sinar Harian semalam.**

itu tular selepas mendakwa diculik dua lelaki yang menaiki van berwarna putih ketika sedang menunggu bas

di perhentian bas Taman Pandan Indah, Jumaat lalu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 JANUARI 2018 (RABU)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ arah pemilik segera baik pulih lereng tanah
Muka Surat	20

## MPAJ arah pemilik segera baik pulih lereng tanah

SH 17/1/18 M/S 20

**TAMAN MELAWATI** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengeluarkan notis kepada pemilik tanah di sini bagi membaik pulih hakisan tanah susulan aduan penduduk berkaitan lereng tanah berhampiran taman perumahan di sini.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pemilik tanah tersebut juga telah bersetuju untuk melakukan pembaikan hakisan tanah.

"Kami berharap pemilik tanah tersebut dapat melaksanakan kerja tersebut dengan kadar segera demi kesejahteraan komuniti di kawasan itu," katanya.

Terdahulu, penduduk mendakwa tidak ada sebarang kerja baik pulih lereng dilaksanakan sejak hakisan berla-



Pemilik dijangka melaksanakan kerja baik pulih dengan kadar segera.

ku pada dua bulan lalu.

Penduduk turut mendakwa pokok-pokok di kawasan lereng tersebut te-

lah tumbang sehingga menyekat saliran longkang di kawasan perumahan tersebut.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 JANUARI 2018 (RABU)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PBT, Imigresen pantau pusat refleksologi lebih ketat
Muka Surat	27

## PBT, Imigresen pantau pusat refleksologi lebih ketat

um 17/1/18 ms 27.

**ALOR GAJAH 16 Jan.** - Semua pusat urut refleksologi di negeri ini akan dipantau secara lebih ketat oleh pihak berkuasa bagi memastikan tiada sebarang aktiviti tidak sihat ditawarkan pusat berkenaan kepada pelanggan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman berkata, usaha berkenaan telah dilaksanakan sebelum ini namun ia akan terus dipertingkatkan khususnya di kawasan Taman Melaka Raya kerana terdapat banyak aduan orang ramai.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama Jabatan Imigresen perlu meninjau semua pusat-pusat refleksologi ini dan mengambil tindakan jika ada di antaranya yang menawarkan perkhidmatan tambahan seperti urut batin, khidmat seks dan sebagainya yang jelas menyalahi undang-undang.

"Selain pemantauan aktiviti yang dijalankan, kita juga mahu

memastikan hanya pegawai terapi (tukang urut) yang layak dan mempunyai dokumen perijinan sah sahaja dibenarkan bekerja di pusat-pusat refleksologi terbabit.

"Kebanyakan daripada pegawai terapi ini terdiri daripada pekerja asing, jadi Jabatan Imigresen kena lihat semula kerana ada dalam kalangan mereka datang ke negara ini menggunakan pas pelancong dan bekerja sebagai tukang urut," katanya ketika ditemui pemberita selepas Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) di sini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua MPAG, Ismail Hasim; Ketua Ahli Majlis MPAG, Rahim Yunus; Pegawai Daerah Alor Gajah, Datuk Daud Hasan dan Ketua Setiausaha Unit Kerajaan Tempatan, Mohd. Fadhil Hasan.

Sementara itu Ismail berkata, pihaknya juga akan melaksanakan penstrukturan semula pusat-pusat hiburan yang terdapat di

negeri ini termasuk pusat refleksologi, pusat karaoke, pub, kelab malam dan sebagainya.

"Kalau banyak sangat (pusat hiburan) pun tak guna juga jadi cukup setakat apa yang ada sekarang dan tiada keperluan untuk menambah bilangannya di Melaka Raya," katanya.

Beliau turut menegaskan, tindakan akan diambil termasuk menutup mana-mana pusat hiburan yang beroperasi melebihi waktu ditetapkan.

"Kami ada terima laporan terdapat beberapa pusat hiburan ini dibuka sehingga subuh, dan melanggar waktu ditetapkan.

"Arahan penutupan akan dikeluarkan sekiranya pusat tersebut melakukan lebih daripada tiga kali kesalahan sama," katanya.

Tambah beliau, mengikut peraturan PBT, pusat-pusat hiburan ini hanya boleh beroperasi sehingga pukul 1 pagi pada hari biasa dan dilanjutkan hingga pukul 2 pagi pada hujung minggu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 JANUARI 2018 (RABU)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	TALIAN KHIDMAT
Muka Surat	26

**LEMBAH KLANG**  
**NEGERI SEMBILAN**  
**MELAKA**  
M/S 76 17/1/18 un

**TALIAN KHIDMAT**

**SENARAI BALAI POLIS**

Petaling Jaya  
**03-79662222**

Bukit Aman  
**03-22662222**

Damansara Utama  
**03-77222222**

Dang Wangi  
**03-20702222**

Shah Alam  
**03-55202222**

Cheras  
**03-92842222**

Sungai Buloh  
**03-61561222**

**LEMBAH KLANG**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
**03-40244424**

Majlis Bandaraya Shah Alam  
**03-55105133**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
**03-79563544**

Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**03-80263102**

Majlis Perbandaran Kajang  
**03-87370112**

Majlis Perbandaran Selayang  
**03-61265800**

Majlis Perbandaran Klang  
**03-33755555**

Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**03-42968000**

Majlis Perbandaran Sepang  
**03-83190200**

Majlis Daerah Kuala Selangor  
**03-32891439**

Majlis Daerah Sabak Bernam  
**03-32241655**

Majlis Daerah Hulu Selangor  
**03-60641331**